

01 NOV 2003

Abdullah-Amanah

JAWATAN PERDANA MENTERI BUKAN KEBESARAN DIRI TAPI AMANAH, KATA ABDULLAH

KEPALA BATAS, 1 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri bukan merupakan satu kebesaran buat diri atau keluarganya.

Abdullah berkata pelantikan itu lebih merupakan satu tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya untuk memastikan pembangunan bangsa dan negara berterusan.

Amanah itu perlu dijaga dengan baik, dan beliau meminta kerjasama semua pihak dalam menjalankan tugasnya dengan berkesan.

Ketika berucap pada majlis sambutan kepulangannya di perkarangan pusat khidmat Anggota Parlimen Kepala Batas, Abdullah yang juga anggota Parlimen kawasan itu berharap supaya beliau dikurniakan kesihatan baik oleh Allah dan petunjuk untuk menjalankan tanggungjawab dengan sebaik mungkin.

"Saya mohon kerjasama tuan-tuan mendoakan saya sentiasa sihat dan diberi petunjuk sepanjang masa untuk memberikan kebaikan kepada semua kaum di negara ini," kata Abdullah yang mengambil sumpah jawatan semalam menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad yang berundur selepas berkuasa 22 tahun.

Sebelum itu, lebih kurang 10,000 orang berbaris sejauh kira-kira tiga kilometer di sepanjang jalan dari Plaza Tol Bertam, Lebuhraya Utara Selatan dekat sini hingga ke pekan ini untuk menyambut Abdullah yang diiringi oleh konvoi motosikal dari Lapangan Terbang Bayan Lepas.

Walaupun hujan turun dengan lebatnya ketika beliau berucap, orang ramai yang datang untuk meraikan kepulangan beliau tetap tidak berganjak dan terus mendengar ucapannya.

Abdullah juga mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir kerana memberi kepercayaan kepada beliau sehingga menamakannya sebagai pengganti.

Kepada penduduk kawasan Kepala Batas yang diwakilinya sejak 1978, beliau berjanji untuk terus membangunkan kawasan itu kerana tempat itu menjadi titik permulaan kerajaya politiknya.

Walaupun tidak akan selalu berada di kawasan ini kerana sibuk dengan tugas sebagai Perdana menteri, katanya beliau akan memastikan pembangunan kawasan itu berterusan.

Abdullah juga berkata beliau percaya sokongan yang diterimanya daripada penduduk Kepala Batas bukan kerana beliau adalah anak kepada Ahmad Badawi (tokoh pendidikan Islam dan Umno) atau cucu Abdullah Fahim (ulama dan pejuang kemerdekaan) tetapi adalah kerana mereka sayangkan perjuangan parti.

Selepas berucap, beliau menuju ke rumah ibunya Datuk Kailan Hassan yang terletak berhampiran pusat itu.

Di rumah itu, isterinya, Datin Seri Endon Mahmood yang tiba bersamanya sebelum itu telah menunggu bersama-sama ibunya serta sanak saudara yang lain.

Sebaik sahaja masuk, beliau terus bertanyakan khabar ibunya sambil mencium tangan beliau.

Abdullah kemudian bersama-sama ahli keluarganya berbuka puasa di rumah berkenaan dan antara hidangan istimewa yang disediakan untuk beliau ialah nasi ulam dan kuih seri muka serta bubur.

Beliau dijadual menunaikan solat Isyak dan tarawih di Majlis Jamek Jamiul Badawi di seberang jalan rumah ibunya dan juga menziarahi kubur Allahyarham bapa serta datuknya.

-- BERNAMA

ZU NH ZS PR